



MUHAMMAD AKMAL SALEH

12 tukun tiruan tingkat stok ikan Pulau Dodol

UM 27/9/2024 pg36

JASIN: Sebanyak 12 tukun tiruan (konservasi) yang dilabuhkan di perairan Pulau Dodol di Taman Laut Melaka, akan memulihara tempat pembiakan dan habitat serta menambah populasi ikan di kawasan tersebut.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Datuk Dr. Muhammad Akmal Saleh berkata, tukun bernilai RM374,510 juga memastikan pertambahan stok sumber perikanan berada pada ekosistemnya.

Menurutnya, sejak 2008 sehingga kini, sebanyak 78 tukun tiruan telah dilabuhkan di kawasan perairan Pulau Besar dan Taman Laut Melaka dengan nilai RM1.5 juta.

“Kita labuhkan tukun tiruan ini untuk menjaga taman laut kerana mempunyai batu karang yang sangat cantik serta spesies ikan yang jarang-jarang ditemui. Tukun ini akan dapat memulihara habitat ikan dan memastikan peningkatan sumber perikanan.

“Sebelum ini tukun yang telah dilabuhkan mendatangkan hasil ikan yang besar dan penjaan batu karang,” katanya pada Program Melabuhkan Tukun Tiruan di perairan Pulau Dodol, semalam.

Tambah Muhammad Akmal, kerajaan negeri melalui Jabatan Perikanan akan melabuhkan unjam di luar kawasan Taman Laut Melaka November ini.

Jelasnya, peruntukan sebanyak RM300,000 telah diluluskan bertujuan meningkatkan sumber perikanan kepada nelayan setempat, selepas mereka dilarang menangkap ikan di kawasan diwartakan.